

MENEROKA KEBERKESANAN PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL (OBE) TERHADAP PROGRAM TVET

Mazlina, Jamaludin¹, Noranira, Maamin², dan Mazura Stapa³

^{1,2}Politeknik Sultan Idris Shah, Malaysia
mazlinajamaludin1973@gmail.com
anira@psis.edu.my

³Politeknik Kota Kinabalu, Malaysia

Abstrak: Jaminan kualiti pendidikan menjadi teras untuk memastikan mutu pendidikan sentiasa dijaga dengan menggunakan kaedah pengukuran penilaian yang sistematik secara berterusan. Program TVET in Politeknik Malaysia merupakan antara program pembelajaran kemahiran tenaga manusia separuh mahir dan mahir yang telah wujud melebihi empat puluh tahun. Ianya merupakan satu matlamat bagi menghasil dan membekal sumber tenaga manusia yang berkualiti agar mampu menempuh cabaran persekitaran global yang dinamik dan mencabar. Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) telah digunakan dalam program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kebanyakan institusi pendidikan. Kajian ni bertujuan untuk menilai keberkesanan pendidikan berasaskan hasil (OBE) ke atas program TVET. Program Diploma Pengurusan Pelancongan telah dipilih untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan diperingkat institusi TVET. Keputusan menunjukkan bahawa graduat program ini telah mencapai tahap melebihi 50% daripada pencapaian program dan hasil yang telah ditetapkan. Pencapaian graduat terdahulu telah dijadikan kayu pengukur bagi penambahbaikan dan pemurnian kurikulum dan program ke atas pelajar-pelajar kohort baru. Pencapaian tersebut telah membantu tenaga pengajar, dan institusi untuk meningkatkan lagi persediaan, dan kemahiran pelajar dengan kerjasama pihak industri.

Kata Kunci: Hasil Pembelajaran Program (PLO), Hasil Program (PO) Hasil kursus (CO) Objektif Pembelajaran Program (PEO)..

1. Pengenalan

Pendidikan Berdasarkan Hasil (*Outcome-Based Education - OBE*) memberi peluang pembelajaran secara bersepadu kepada semua lulusan TVET bagi mencapai hasil program (PO) berpandukan kurikulum program yang telah digubal. Semua institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu melaksanakan proses OBE sebagai syarat untuk mendapatkan akreditasi program pengajian daripada Lembaga Akreditasi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency - MQA*) dengan mematuhi standard dan kriteria yang terkandung dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework - MQF*) (Sun, & Lee, 2020). Melalui kerangka ini, institusi pendidikan melalui tenaga pengajar yang kompeten perlu memastikan lulusan graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh MQA melalui audit pematuhan berkala yang dijalankan di semua institusi pendidikan (Sun, & Lee, 2020).

Ketetapan jaminan kualiti pendidikan ini di rangka bertujuan memastikan lulusan memiliki pengetahuan yang baik dan mobiliti pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan negara dan

persekitaran global yang dinamik. Bagi memastikan jaminan kualiti pendidikan sentiasa mencapai aras yang disasarkan, penilaian program ke atas beberapa faktor perlu dinilai secara sistematik dan berterusan (Sun, & Lee, 2020). Antaranya adalah pembangunan kurikulum; kualiti pengajaran; kualiti penilaian; persekitaran pembelajaran yang kondusif; maklum balas jawatankuasa penasihat; penggunaan peruntukan kewangan yang berkesan. Setiap tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia mendapat peruntukan kewangan yang tinggi bagi memastikan mutu pendidikan tidak terjejas. Pada tahun 2019 sebanyak RM 60.2 bilion dibekalkan untuk pendidikan membuktikan kesungguhan kerajaan. Peruntukan ini telah digunakan untuk tujuan antaranya; biasiswa, infrastruktur, pembangunan program (Kementerian Kewangan Malaysia, 2019). Namun, disebalik itu, masih terdapat masalah yang sering diutarakan yang melibatkan kelemahan pembangunan program kurikulum; kualiti pengajaran yang rendah (Thian, Ng & Ewe, 2018); graduat tidak kompeten; graduat kurang berpengetahuan untuk bersaing di pasaran kerja (Kalianna & Chandra, 2012).

| NO | COURSES | | | PROGRAMME LEARNING OUTCOME (PLO) | | | | | | | | | |
|-------------------|---------|------|--|----------------------------------|------------------|----------------------|--|------------------------------------|---|---------------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------|--|
| | | | | PLO1 | PLO2 | PLO3 | PLO4 | PLO5 | PLO6 | PLO7 | PLO2 | PLO3 | |
| | | | | Knowledge | Practical Skills | Communication Skills | Critical Thinking and Problem Solving Skills | Social Skills and Responsibilities | Continuous Learning and Information Management Skills | Management and Entrepreneurial Skills | Professionalism, Ethics and Moral | Leadership and Teamwork Skills | |
| COMPULSORY | | | | | | | | | | | | | |
| 1 | DUB | 1012 | Pengajian Malaysia | √ | | | | | √ | | | | |
| 2 | DUA | 2032 | Pelancongan dan Hospitaliti Dalam Islam* | √ | | | | | √ | | | | |
| 3 | DUB | 2012 | Nilai Masyarakat Malaysia ** | √ | | | | | √ | | | | |
| 4 | DUE | 1012 | Communicative English 1 | √ | | √ | | | | | | | |

| PEO | PLO1 | PLO2 | PLO3 | PLO4 | PLO5 | PLO6 | PLO7 | PLO2 | PLO3 |
|--|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| | LD 1 | LD2 | LD3 | LD4 | LD5 | LD6 | LD7 | LD8 | LD9 |
| 1. able to display critical knowledge-based understanding, coherent with highly developed technical skills projected in a polished attitude in tourism and hospitality industry. | √ | √ | | | | | | | |
| 2. able to communicate effectively and utilise excellent leadership, teamwork and social skills to fulfill industrial needs. | | | √ | | √ | | | | √ |
| 3. able to apply critical thinking and problem solving skills professionally in dealing with various tourism and hospitality challenges. | | | | √ | | | | √ | |
| 4. able to apply management, entrepreneurship skills and adhere the need of continuous learning for successful career advancement. | | | | | | √ | √ | | |

Learning Domain
LD1 Knowledge
LD2 Practical Skills
LD3 Communication Skills

Rajah 1: Pemetaan PLO dan PEO Bagi Program Pengurusan Pelancongan

Dalam membangunkan atau menambahbaik kurikulum program, penetapan objektif pembelajaran program (*Programme Educational Objectives* -PEO) yang mencerminkan ciri-ciri graduan yang dihasilkan sangat penting. Hasil Pembelajaran Program (*Programme Learning Objectives*- PLO) perlu digubal dan diukur menggunakan kaedah tertentu sepanjang program pengajian dan diukur lagi sejurus selepas pelajar menamatkan pengajian. Perkara ini amat penting untuk melayakkan program pengajian di akreditasi oleh MQA. Rajah 1 menunjukkan contoh Hasil Pembelajaran Program (*Programme Learning Objectives*- PLO) dan Objektif Pembelajaran Program (*Programme Educational Objectives* -PEO) bagi Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) di Politeknik Malaysia yang merupakan salah sebuah institusi pendidikan TVET di Malaysia. Kaedah OBE mewajibkan semua institusi TVET mengukur kemajuan program bagi setiap kohort (MQA, 2008, 2013, 2017). Penentuan pencapaian ditentukan oleh ketua program, atau penyelarasan program berdasarkan sasaran pencapaian yang diinginkan. Bagi setiap individu pelajar, perlu mencapai sekurang-kurangnya 50% markah yang berkaitan dengan Hasil Kursus.

2. Kajian Literature

2.1. Pengajaran Berasaskan Hasil (OBE)

Pengubal dasar pendidikan sentiasa mencari maklumat untuk membina instrumen methodologi pendidikan yang bersesuaian bagi pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi (Sumit Das & Aniruddha Biswas, 2017). Asas terma 'pendidikan berasaskan hasil'(OBE) telah dikemukakan oleh William Spady pada tahun 1994 dalam bukunya "*Outcome-Based Education: Critical Issues and Answers*", American Association of School Administrators.


Secara amnya, terdapat empat prinsip utama bagi OBE yang dinyatakan oleh Spady (1994) iaitu; i) fokus kepada pembelajaran yang jelas, ii) perancangan semula, iii) hasil jangkaan yang tinggi, dan iv) memperluaskan peluang pembelajaran (Rajah 1). Setiap dari prinsip yang dinyatakan mampu meluaskan lagi proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya menjadikan hasil pembelajaran pelajar itu berjaya. OBE memberikan tumpuan yang jelas dan menyusun pembelajaran dalam bentuk kerangka yang instruktif tentang keperluan pelajar untuk membuat pilihan agar berjaya dan berkesan pada akhir pembelajaran (Shyamalapasanna et al, 2021).

OBE telah dilaksanakan di Politeknik Malaysia, namun konsep perlaksanaannya sentiasa diperkemaskan terutama daripada aspek penilaian agar lebih menarik dan gembira bagi pelajar menerima pendidikan (Mamat, Rasul & Mustapha, 2014) . OBE adalah satu jenis pendekatan untuk menangani masalah pendidikan. Ianya merupakan program pendidikan, yang mana bimbingan dan penilaian yang diperolehi daripada hasil pembelajaran yang diperolehi dari pelajar (Jonathan, 2017).

Konsep OBE berfokus kepada hasil pelaksanaan sesuatu program yang ditawarkan di institusi pendidikan. OBE merupakan proses yang melibatkan penstrukturan semula kurikulum, penilaian dan laporan dalam pendidikan bagi mencerminkan pencapaian dan penguasaan pembelajaran aras tinggi (Mamat, Rasul & Mustapha, 2014). Ianya memudahkan perubahan yang diinginkan oleh pelajar dengan meningkatkan pengetahuan, pengembangan kemahiran insaniah agar mempengaruhi sikap positif, nilai, dan pertimbangan dalam konteks pendidikan (Mamat, Rasul

& Mustapha, 2014). Umumnya konsep OBE adalah meliputi; a) perancangan, b) pelaksanaan, c) pemantauan dan d) penilaian. Ia adalah elemen-elemen yang perlu dilaksanakan oleh semua tenaga pengajar dalam pengajaran kursus bagi memastikan penambahbaikan secara berkesan sentiasa diterapkan keatas setiap pelajar. Pendidikan berasaskan hasil sentiasa menekankan kepada pembelajaran pelajar dengan;

- i) Menggunakan pernyataan hasil pembelajaran yang jelas untuk memudahkan para pelajar mengetahui dan memahami tentang jangkaan hasil yang perlu mereka capai.
- ii) Menyediakan aktiviti pembelajaran tertentu dengan tujuan untuk membolehkan para pelajar mencapai semua hasil yang dirancang.
- iii) Menilai tahap pencapaian pelajar berbanding kriteria penilaian yang telah ditetapkan secara jelas dan berkesan.



Rajah 2: Kerangka *Outcome-Based System* (Spady, 1994)

OBE bermula dengan memberikan pernyataan gambaran yang jelas dan signifikan tentang apa yang penting bagi keperluan pelajar (MQA, 2007, 2008). Oleh itu, pelajar berpeluang untuk menyesuaikan diri dalam pembelajaran, seperti merancang pembelajaran kurikulum yang dibekalkan dan penilaian yang akan dilaksanakan.

Pelajar harus menunjukkan dan membuktikan kemampuan pembelajaran yang telah dicapai menjelang akhir kursus (Killen, 2000). OBE memberikan ruang kepada pelajar untuk berinteraksi secara berkesan dengan pihak berkepentingan. OBE menetapkan bahawa pelajar akan belajar dengan baik ketika mereka jelas tentang apa yang harus mereka lakukan di akhir program (Jonathan, 2017). Kegiatan instruksional dirancang dan dipandu untuk mendorong mereka memperoleh apa yang ingin dicapai (Shyamalaprasanna et al, 2021).

Namun, kejayaan melaksanakan pengajaran berasaskan hasil (OBE) menuntut latihan dan bimbingan yang berterusan dari semua tenaga pengajar di institusi pengajian, termasuk industri dan pihak yang berkepentingan dalam membentuk pelajar (Spady & Marshall, 1991). Ia bertujuan untuk memastikan agar pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai secara berpasukan bagi menuntut perbincangan rasional secara terbuka. Kepelbagaian strategi seperti maklumbalas daripada industri, pengguna, pelajar dan staf. Teknik pengajaran yang kreatif sama ada secara kaedah pembelajaran teradun atau pembelajaran tidak teradun sentiasa digabungkan agar tidak membosankan. Matlamat ini perlu disokong dengan menggunakan pelbagai peralatan teknologi serta gajet dan laman sesawang 4.0 telah diterapkan agar ianya menjadi lebih mudah, menarik dan dapat diukur peningkatan kejayaan pelajar. Tujuan utama transformasi OBE adalah kejayaan pelajar setelah mereka meninggalkan institusi pendidikan (Spady & Marshall, 1991; Ag. Dami, & Omar, 2018).

Jelas, ia menuntut ruang untuk perkembangan idea, imaginasi dan cabaran dalam meneroka kemampuan inisiatif tenaga pengajar untuk mencuba kaedah dan peralatan baru sejajar dengan peningkatan teknologi rangkaian maklumat yang semakin moden. Penekanan diberikan kepada pemikiran kritikal, komunikasi yang berkesan, aplikasi teknologi dan penyelesaian masalah yang kompleks (Spady & Marshall, 1991; Damit & Omar, 2018).

Penggunaan platform sosial media, 'artificial intelligence', 'gaming activities', 'virtual realities, dan 'augmented reality' adalah antara platform sesawang 4.0 yang mampu untuk digembleng dalam mewujudkan suasana menarik dan mencabar terutama sewaktu krisis pandemik covid-19 yang sedang melanda dunia kini semenjak dari tahun 2020. Terbukti bahawa teknologi tetap mampu untuk melaksanakan OBE secara maya. Secara tidak langsung ianya mencetus daya penerokaan pembelajaran yang lebih tinggi bagi pelajar, guru, pensyarah dan institusi pendidikan (Sun, & Lee, 2020).

Justeru itu, penentuan utama bagi mencapai OBE adalah kaedah penilaian yang perlu disesuaikan dan kebebasan diberikan agar mencapai objektif pembelajaran, objektif kursus dan objektif program (Kalfa & Taksa, 2015; Sun, & Lee, 2020). Pensyarah kursus, dan penyelaras kursus bagi program TVET harus memastikan bahawa hasil pembelajaran yang ditentukan dan kandungan kurikulum saling berkaitan antara satu sama lain.

Menurut Kerangka Kelayakan Malaysia (KKR), setiap pernyataan Hasil Pembelajaran Program (PLO) mestilah mengandungi tiga domain pembelajaran iaitu Pengetahuan (kognitif), Kemahiran Praktikal (psikomotor), dan nilai (afektif) (Bloom, 1956). Setelah terhasilnya Hasil Pembelajaran Program, setiap kursus di bawah program perlu juga dinyatakan Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome - CLO). CLO merupakan panduan kepada guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan OBE. Setiap CLO, PLO dan PEO mesti mempunyai hubungkait antara satu sama lain dan dinyatakan secara jelas dan nyata tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu dicapai oleh pelajar dalam program tersebut (Sun & Lee, 2020). Setiap hasil pembelajaran merupakan kenyataan mengenai hasil yang perlu dicapai oleh pelajar diakhir proses pengajaran di mana ianya dinilai untuk mendapatkan kelayakan (Malaysian Qualifications Agency, 2017).

3. Metodologi Kajian

Kajian ni bertujuan untuk menilai keberkesanan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) ke atas program TVET ke atas graduan yang telah tamat pengajian selama 3 tahun. Program Diploma Pengurusan Pelancongan, di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor, Malaysia telah diambil sebagai sampel kajian. Objektif kajian ini adalah untuk menilai;

- (i) Keberkesanan OBE bagi Program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP),
- (ii) Keberkesanan OBE dikalangan graduan Program Diploma Pengurusan Pelancongan

Bagi mengukur objektif pertama, instrumen penilaian ke atas dokumen digunakan. Dokumen ini digunakan untuk menilai keputusan pelajar bagi kohort terdahulu yang telah tamat pengajian. Sampel kajian diperolehi daripada data keputusan penilaian berterusan dan penilaian akhir semua kursus bagi program Diploma Pengurusan Pelancongan, di Politeknik Sultan Idris Shah yang telah mengikuti kurikulum versi 2014 bagi 3 kohort pengajian yang telah tamat belajar. Keputusan penilaian akhir dan penilaian berterusan telah dinilai. Diantara penilaian berterusan kursus adalah merangkumi projek semester akhir pelajar, kuiz, ujian, latihan, penilaian makmal, penilaian amali, reflektif journal, dan kajian kes. Hasil kursus (*Course Outcome - CO*) dipetakan kepada hasil program (*Programme Outcome - PO*) bagi mendapat keputusan PEO dan PLORR.

Dokumen utama yang telah dinilai adalah keputusan hasil pencapaian;

- (i) Objektif Pembelajaran Program (*Programme Educational Objectives -PEO*).
- (ii) Laporan Program DUP bagi 3 Kohort (*Programme Learning Objective Result Report - PLORR*)

Bagi mengukur objektif kedua, borang-soal selidik telah dibangunkan sebagai instrumen kajian. Ianya mengandungi pernyataan PEO dan PLO daripada kurikulum Program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP). Penilaian setiap item dalam borang pula menggunakan skala Likert 1-5 (1 sangat tidak setuju – 5 sangat setuju). Soal selidik yang dibangunkan merangkumi dua (2) bahagian utama iaitu:

- (i) Alumni Program DUP
- (ii) Bahagian Keberkesanan PEO.

Borang soal-selidik telah dihantar kepada pelajar alumni DUP menggunakan Aplikasi *Google form* yang boleh dicapai secara dalam talian. Populasi responden kajian adalah alumni DUP yang telah graduan antara tahun 2015-2019. Tempoh masa responden untuk menjawab adalah diantara 1 September 2020 sehingga 10 September 2020. Seramai 168 responden telah memberikan maklum balas dan digunakan untuk analisis kajian ini.


4. Dapatan Kajian

Objektif 1. Keberkesanan OBE bagi Program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP).

Keberkesanan Pencapaian OBE bagi graduan DUP telah diukur melalui keputusan PLORR yang dipetakan hasil daripada pencapaian PLO 01 hingga PLO 07 bagi 3 kohort iaitu Kohort A (Disember 2016 -Jun 2019), Kohort B (Jun 2017-Disember 2019) dan Kohort C (Disember 2017-Jun 2020) telah dipamirkan dalam jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan pencapaian PLO 01 (pengetahuan) Kohort A adalah 67%; Kohort B adalah 75%; dan Kohort C adalah 71%. PLO 02 (kemahiran amali) Kohort A adalah 68%; Kohort B adalah 82%; dan Kohort C adalah 82%. PLO 03 (kemahiran umum) Kohort A adalah 77%; Kohort B adalah 80%; dan Kohort C adalah 81%. PLO 04 (pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah) Kohort A adalah 77%; Kohort B adalah 82%; dan Kohort C adalah 84%. PLO 05 (maklum balas dan kemahiran sosial) Kohort A adalah 82%; Kohort B adalah 82%; Kohort C adalah 79%. PLO 06 (pembelajaran berterusan & kemahiran pengurusan maklumat) Kohort A adalah 71%; Kohort B adalah 69%; Kohort C adalah 75%. PLO 07 (pengurusan dan kemahiran keushawanan) Kohort A adalah 73%; Kohort B adalah 81%; Kohort C adalah 81%. Secara keseluruhannya, sampel keputusan data PLORR program DUP, telah mencapai ketetapan sarannya. Data telah membuktikan bahawa 50% pelajar mendapat markah keseluruhan melebihi 50%. Maka, di sini dapat disimpulkan bahawa hasil kursus (CO) dan pencapaian program (PO) telah dicapai.

Jadual 1: Graf pencapaian PLORR bagi 3 Kohort Program Diploma Pengurusan Pelancongan



Analisis jadual 1 menunjukkan terdapat penurunan pencapaian peratusan bagi kohort B Jun 2017-Disember 2019 bagi PLO 06 (kemahiran pembelajaran dan pengurusan maklumat) yang berterusan. Dicadangkan agar pensyarah kursus mengembangkan potensi pelajar melalui proses

pembelajaran berterusan disamping menggunakan pembelajaran maya yang berkonsep formal dan tidak formal menggunakan alat multimedia dan sumber dalam talian.

Pencapaian peratus bagi kohort C Disember 2017 - Jun 2020 menunjukkan peningkatan peratus bagi PLO 03 (81%), PLO 04 (84%), dan PLO06 (78%) berbanding pencapaian semasa kohort B Jun 2017 - Disember 2019. Namun, terdapat penurunan pencapaian peratus bagi kohort C Disember 2017 - Jun 2020 bagi PLO 01 (pengetahuan) 71%, dan PLO 05 (maklum balas dan kemahiran sosial) 75%. Manakala, PLO 02 (kemahiran amali) dan PLO 07 (pengurusan dan kemahiran keusahawanan) tiada perubahan iaitu data menunjukkan 82% dan 81%. PLO 01 (pengetahuan) menunjukkan pencapaian peratusan terendah. Kursus yang terlibat adalah DTR 6012 Cultural Diversity adalah 52%. Manakala, bagi PLO 05 (maklumbalas dan kemahiran social) kursus yang terlibat adalah DUA 6022 bagi kursus dari Jabatan Pengajian Am (71%).

Objektif 2. Keberkesanan OBE dikalangan graduat bagi Program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP).

Keberkesanan OBE dikalangan alumni DUP telah diukur menggunakan maklumbalas PEO yang telah diperolehi. Berikut merupakan hasil dapatan kajian terhadap instrumen soal selidik yang diedarkan. Data-data yang diperolehi dari kaji-selidik telah dianalisa dan interpretasi skor min dapatan analisa ditafsir berdasarkan Jadual 2. Jadual ini menerangkan secara keseluruhan corak data yang diperolehi daripada kaji-selidik yang telah dikeluarkan. Selain itu, analisa kajian ini dibuat berdasarkan item-item yang dibangunkan bagi empat PEO bagi program DUP.

Skala Likert telah digunakan untuk mengukur data. Skala 1 menunjukkan sangat tidak setuju, skala 2 menunjukkan tidak setuju, skala 3 menunjukkan tiada pendapat, skala 4 menunjukkan setuju dan skala 5 menunjukkan sangat setuju. Data demografi telah menunjukkan bahawa seramai 76.1% responden tidak menyambung pengajian mereka daripada 142 responden yang menjawab item ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 51.7% telah mendapat lantikan tetap bagi jawatan mereka, 13.5% mendapat lantikan kontrak dan 34.8% mendapat lantikan sementara. 29.5% alumni mendapat pendapatan bulanan antara RM1,501-RM2,500, dan 43.2% mendapat RM1,001-RM1,500,

Keberkesanan PEO

Jadual 2 menunjukkan skor min PEO 1 bagi alumni. Berdasarkan jadual ini, alumni secara keseluruhannya menunjukkan skor min tinggi bagi PEO 1 adalah diantara 4.13- 4.44. Ini membuktikan bahawa alumni dapat mempamirkan pemikiran yang relevan ketika bekerja. Skor min bagi PEO 2 adalah diantara 4.21 – 4.63 iaitu melebihi 4.0. Ini membuktikan bahawa tahap komunikasi alumni adalah pada tahap yang tinggi membantu mereka dalam menyesuaikan diri di alam pekerjaan bersama subordinat mereka. Skor min bagi PEO 3 adalah diantara 4.32 – 4.38 telah menunjukkan bahawa keadaan aplikasi pemikiran dan kaedah penyelesaian masalah adalah pada tahap yang tinggi, telah membuktikan bahawa alumni mampu untuk menyelesaikan masalah secara waras terutamanya pada keadaan ekonomi yang sangat mencabar dan ketidak tentuan. Skor min bagi PEO 4 telah membuktikan bahawa alumni mampu berdikari dan melibatkan diri dalam perniagaan samaada dalam bentuk atas talian mahu pun mempelajari keusahawanan di tempat kerja. Namun, penglibatan dalam bentuk perniagaan secara atas talian agak rendah sedikit berbanding item lain iaitu min 3.98.

Jadual 2: Pencapaian PEO Alumni DUP

| No. | Item PEO 1 : <i>dapat memperlihatkan pemahaman berdasarkan pengetahuan kritikal, sesuai dengan kemahiran teknikal yang sangat maju yang diproyeksikan dalam sikap terpuji dalam industri pelancongan dan perhotelan.</i> | Min Alumni |
|---|--|------------|
| 1. | Kelayakan akademik yang dimiliki di Politeknik melayakkan saya mengisi jawatan/melanjutkan pengajian atau mengikuti kursus lanjutan/professional dalam bidang yang bersesuaian. | 4.34 |
| 2. | Pengetahuan dan kemahiran dalam tugas pekerjaan saya kini adalah hasil dari program yang saya ikuti di Politeknik. | 4.29 |
| 3. | Pengetahuan dan kemahiran yang saya pelajari di Politeknik adalah selari dengan kerjaya yang saya ceburi. | 4.13 |
| 4. | Program pengajian di Politeknik membantu saya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran semasa menjalankan tugas. | 4.44 |
| 5. | Kecenderungan dan minat saya terhadap bidang pelancongan dan hospitaliti wujud selepas mengikuti pengajian di Politeknik. | 4.44 |
| 6. | Saya mampu menyelesaikan tugas dan arahan yang diberikan dengan pengawasan minimum. | 4.41 |
| Item PEO 2: <i>dapat berkomunikasi dengan berkesan dan menggunakan kepimpinan, kerja berpasukan dan kemahiran sosial yang sangat baik untuk memenuhi keperluan industri.</i> | | |
| 7. | Saya mampu menyampaikan maklumat melalui lisan dengan baik | 4.43 |
| 8. | Saya mudah mesra dan mudah menyesuaikan diri dengan pekerja lain. | 4.54 |
| 9. | Saya mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja, institusi, kumpulan kerja dan komuniti di tempat kerja. | 4.56 |
| 10. | Saya sentiasa mengamalkan budaya kerja yang baik, berakhlak, menepati masa, cekap, produktif dan berhemah di tempat kerja. | 4.63 |
| 11. | Saya menghormati pendapat ahli kumpulan dalam melaksanakan tugas. | 4.59 |
| 12. | Saya menerima pendapat ahli kumpulan dalam melaksanakan tugas. | 4.57 |
| 13. | Saya pernah memimpin pasukan atau kumpulan di tempat kerja (cth: menunjukkan prosedur / memberi arahan kepada rakan / taklimat pagi). | 4.21 |
| Item PEO 3: <i>dapat menerapkan kemahiran berfikir kritis dan menyelesaikan masalah secara profesional dalam menangani pelbagai cabaran pelancongan dan perhotelan.</i> | | |
| 14. | Saya mampu menggunakan pelbagai teknik untuk menyelesaikan masalah semasa melaksanakan tugas. | 4.28 |
| 15. | Saya mampu menyelesaikan masalah yang timbul dengan efektif dan berhati-hati. | 4.32 |
| 16. | Saya mempunyai peluang untuk menyuarakan idea atau pendapat untuk menyelesaikan masalah semasa melaksanakan tugas/kerja. | 4.38 |
| Item PEO 4 : <i>dapat menerapkan pengurusan, kemahiran keusahawanan dan mematuhi keperluan pembelajaran berterusan untuk kemajuan kerjaya yang berjaya.</i> | | |
| 17. | Saya berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan baru seiring dengan perkembangan teknologi semasa. | 4.51 |
| 18. | Saya bersedia untuk membantu menjaga kebajikan rakan sekerja, institusi, kumpulan kerja dan komuniti di tempat kerja melalui kerjaya yang saya ceburi. | 4.48 |
| 19. | Pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di Politeknik membantu saya meneroka dan mengembangkan peluang perniagaan sebagai kerjaya yang mampu menjana pendapatan utama atau pendapatan sampingan. | 4.43 |
| 20. | Saya pernah terlibat dalam penyelidikan atau pengembangan produk / perkhidmatan / sistem / projek teknikal di tempat kerja. | 4.10 |
| 21. | Saya terlibat dalam sebarang bentuk perniagaan (cth: termasuk dalam talian / sambilan). | 3.98 |

5. Kesimpulan

Perkara yang harus disesuaikan oleh setiap pemilik program adalah bagaimana mereka menghubungkan Hasil Kursus dengan Hasil Program agar ianya dapat ditafsirkan dengan lebih bermakna dan dapat digunakan untuk peningkatan kualiti program (Sun, & Lee, 2020). Hasil daripada keputusan analisis program ini beberapa cadangan telah dikenalpasti untuk meningkatkan mutu pembelajaran pelajar dan pengajaran para pensyarah. Institusi perlu meningkatkan lagi usaha dan pelaburan seperti peralatan asas pengajaran ICT, kursus dalaman dan luaran bagi peningkatan mutu akademik institusi dan program. Cadangan ini boleh dijalankan oleh pensyarah bagi meningkatkan PLORR yang lemah tanpa memerlukan kemahiran. Antara cadangan yang perlu dijalankan bersama adalah daripada aspek;

1. Penyelarasan penilaian kerja kursus dengan menggunakan ruberik yang sama dan sentiasa dimurnikan mengikut kesesuaian latihan semasa.
2. Semua pensyarah memerlukan latihan '*re-skilling*' dan '*up-skilling*'.
3. Keperluan program pentauliahian kursus professional bidang kepada tenaga pengajar.
4. Mengamalkan pembelajaran teradun dalam menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada pelajar.
5. Keperluan tambahan buku rujukan terkini. Keperluan wifi yang meluas di sekitar kampus untuk memudahkan capaian atas talian.
6. Keperluan program tambahan yang meningkatkan kebolehpasaran serta memberi nilai tambahan kepada pelajar dan pensyarah.
7. Pensyarah kursus harus menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran teradun seperti penggunaan Platform Cidos, MS Teams, Google Meet dan sebagainya secara interaktif dan dalam meningkatkan lagi pembelajaran pelajar;
8. Pensyarah kursus perlu meningkatkan usaha sama melakukan aktiviti pembelajaran bersama pihak industri melalui kerjasama kolaborasi program bagi pengukuhan pemahaman agar dapat memahami konteks yang diperlukan oleh industri;
9. Pensyarah kursus menggalakkan pelajar untuk mencari sumber pengetahuan secara sendiri dalam bidang-bidang tertentu melalui sumber pendidikan di atas talian dan bahan bacaan secara interaktif; dan
10. Pensyarah kursus memperbanyakkan soalan berbentuk kognitif, afektif, dan psikomotor dalam penilaian formatif secara berterusan setiap minggu samaada sewaktu kuliah berlangsung ataupun sebagai latihan di rumah bagi mengasah pemahaman dan minat pelajar dengan lebih mendalam.
11. Elemen keusahawanan perlu dipertingkatkan dan dibudayakan. Latihan praktikal perlu diterapkan dalam unsur penilaian, dan pengajaran bagi membolehkan pelajar meningkatkan minat dalam keusahawanan. Kursus e-perdagangan, e-peruncitan, e-pemasaran pelancongan mungkin boleh diperkenalkan bagi meningkatkan serta menerapkan elemen perniagaan dalam jurusan ini.

6.0 Rujukan

Ag. Dami, M. A., & Omar, M. -K. (2018). Pelaksanaan Outcome-Based Education (OBE) di Kolej Vokasional, Malaysia Graduate Research In Education Seminar (GREduc) 2018.

Bloom, B. (1956). A Taxonomy of Cognitive Objectives. In A Taxonomy of Cognitive Objectives.

Jonathan, V. M. (2017). Implementing Outcome-Based Education (OBE) Framework : Implications for Assessment of Students ' Performance. Educational Measurement and Evaluation Review. 8(1).

Kalfa, S., & Taksa, L. (2015). Cultural capital in business higher education: Reconsidering the graduate attributes movement and the focus on employability. Studies in Higher Education. 40(4), 580–595.

Kalianna, M., & Chandran, S. D. (2012). Empowering students through outcome-based education (OBE). Research in Education, 87(1), 50-63.

Killen, R. (2000). Outcomes-based education: Principles and possibilities. University of Newcastle, Faculty of Education. 1–24.

Malaysian Qualifications Agency (2011). Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk Dan Penyampaian Kurikulum.

Malaysian Qualifications Agency (2013). Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar.

Malaysian Qualifications Agency (2017). Malaysian Qualifications Framework (MQF) (2nd Edition).

Mamat, M. R., Rasul, M.S., & Mustapha, A., (2014). Outcome-Based Education Implementation In Malaysian Polytechnic. International Journal of Education and Research, 2, 11

Ministry of Finance Malaysia. (2018). Budget 2019. Retrieved from Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Spady, W. G. (1994). OBE Book_Critical Issues and Answers. American Association of School Administrators, Arlington, VA.

Spady, W. G., & Marshall, K. J. (1991). Beyond Traditional Outcome-Based Education Transformational Outcome-Based Education gives schools a profoundly different means of restructuring themselves. Educational Leadership. 49(2), 67–72.

Sumit Das & Aniruddha Biswas. (2017). Impact of Advance Pedagogy in Engineering and Outcome based Education. Communications on Applied Electronics. 6(8), 22-27.

Sun, P. H., & Lee, S. Y. (2020). The importance and challenges of outcome-based education – a case study in a private higher education institution. Malaysian Journal of Learning and Instruction. 17(2), 253-278

Thian, L. B., Ng, F. P., & Ewe, J. A. (2018). Constructive alignment of graduate capabilities: Insights from implementation at a private university in Malaysia. Malaysian Journal of Learning

and Instruction. 15(2), 111-142.

Trowler, P. (2008). Cultures and change in higher education: Theories and practices (Universities into the 21st Century). New York, NY: Palgrave Macmillan.